

**PEMBERDAYAAN SOSIOEKONOMI USAHAWAN
MIKRO PELANCONGAN DI PULAU LANGKAWI**

ALEFF OMAR SHAH BIN NORDIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2017

**PEMBERDAYAAN SOSIOEKONOMI USAHAWAN
MIKRO PELANCONGAN DI PULAU LANGKAWI**

oleh

ALEFF OMAR SHAH BIN NORDIN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Doktor Falsafah**

Mac 2017

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia-Nya memberi taufiq dan hidayah-Nya sehingga saya dapat menyiapkan penulisan tesis ini dengan sempurna. Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Dr. Ku Azam Bin Tuan Lonik selaku penyelia utama dan Profesor Sr Dr. Mastura Binti Jaafar selaku penyelia bersama kepada kerana sentiasa memberi tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan sepanjang tempoh menyiapkan penulisan tesis ini. Semoga segala ilmu, nasihat dan bimbingan yang diberikan mendapat ganjaran yang baik dari Allah S.W.T. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah dan semua kakitangan di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang telah menaja pengajian ini di bawah program biasiswa Mybrain 15 dan Skim Latihan Akademik Muda (SLAM) sehingga tamat pengajian. Setinggi-tinggi penghargaan sekali lagi kepada KPT kerana telah membiayai kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) [No: JPT.S (BPKI)2000/09/01/015Jld.4(67)]. Ucapan terima kasih ini juga dirakamkan kepada semua usahawan-usahawan mikro pelancongan di seluruh Pulau Langkawi yang sudi memberikan kerjasama dalam mengumpulkan maklumat dalam kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan di USM serta semua individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung membantu dalam menyiapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan khusus kepada isteri tercinta, Raudzah Binti Haji Yeop yang sentiasa memahami dan memberi sokongan serta galakan disepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Buat permata hati tersayang, Auni Arianna Soffiya, semoga menjadi anak yang solehah dan peroleh kejayaan dunia dan akhirat. Kepada ibu tersayang Jamintan Binti Dollah, terima kasih yang tidak terhingga kerana tidak jemu-jemu mendoakan kejayaan ini. Kejayaan ini didedikasikan khas kepada Almarhum Nordin Bin Haji Naim, sesungguhnya ini adalah amanat terakhir beliau.

Sekian, Wassalam

ALEFF OMAR SHAH BIN NORDIN
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ)
Universiti Sains Malaysia
aleff.shah@umt.edu.my
aleff.shah@gmail.com
1 MAC 2017

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix

BAB 1

PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Industri Pelancongan di Malaysia	4
1.3	Pembangunan Industri Pelancongan Di Pulau Langkawi	8
1.4	Pemilihan Pulau Langkawi sebagai Kawasan Kajian	15
1.4.1	Pembangunan Usahawan dan Perniagaan di Pulau Langkawi	17
1.5	Penyataan Masalah.....	21
1.6	Persoalan Kajian.....	27
1.7	Objektif Kajian.....	28
1.8	Skop Kajian.....	29
1.9	Definisi dan Istilah	30
1.10	Organisasi Kajian	34
1.11	Kesimpulan	37

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	38
2.2	Pemberdayaan	38
2.2.1	Definisi Pemberdayaan	39
2.2.2	Teori Pemberdayaan.....	42

2.2.3	Dimensi Pemberdayaan.....	45
2.3	Pemberdayaan Ekonomi.....	48
2.4	Pemberdayaan Ekonomi Melalui Pembangunan Sektor Pelancongan.....	53
2.5	Pemberdayaan Ekonomi dan Pembangunan Pelancongan Luar Bandar.....	58
2.5.1	Pemberdayaan Komuniti Luar Bandar dan Pembangunan Pelancongan	62
2.5.2	Pembangunan Pelancongan Luar Bandar di Malaysia	70
2.6	Penglibatan Komuniti dalam Pelancongan	74
2.6.1	Pelancongan Berasaskan Komuniti - CBT.....	78
2.6.2	Keusahawanan Pelancongan Berasaskan Komuniti - CBTE	81
2.7	Perniagaan Mikro Pelancongan.....	84
2.7.1	Jenis-jenis Perniagaan Mikro Berasaskan Pelancongan.....	86
2.7.2	Karakteristik Perusahaan Mikro Pelancongan	90
2.7.2 (a)	Profil Pengusaha	92
2.7.2 (b)	Profil Perusahaan	95
2.7.3	Prestasi Perusahaan Mikro Pelancongan.....	97
2.8	Impak Perusahaan Mikro Pelancongan	99
2.8.1	Penjanaan Peluang Pekerjaan.....	99
2.8.2	Penjanaan Pendapatan	102
2.8.3	Meningkatkan Kualiti Hidup.....	104
2.8.4	Mengurangkan Kadar Kemiskinan.....	106
2.9	Cabaran dan Masalah Usahawan Mikro Pelancongan	107
2.10	Kesimpulan	113

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	114
3.2	Rekabentuk Kajian	114
3.2.1	Pengukuran dalam Kajian	118
3.2.2	Rangka Kerja Konseptual.....	119
3.3	Pendekatan Kuantitatif.....	122
3.3.1	Instrument Kajian	123

3.3.2	Soal Selidik	125
3.3.3	Pembentukan Borang Soal Selidik	128
3.4	Kerangka Persampelan	138
3.4.1	Proses Persampelan	139
3.4.2	Responden	143
3.5	Data dan Sumber Data	144
3.6	Kajian Rintis	146
3.6.1	Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan	147
3.6.2	Pengumpulan Data Melalui Kajian Rintis	149
3.7	Pengumpulan Data	151
3.7.1	Pengedaran Borang Soal selidik	152
3.7.2	Kadar Maklum Balas	156
3.8	Pengujian Statistik yang Digunakan dalam Kajian	157
3.8.1	Ujian Kebolehpercayaan	157
3.8.2	Pengujian Statistik	159
3.9	Kesimpulan	163

BAB 4

ANALISIS DAN PERBINCANGAN KARAKTERISTIK USAHAWAN MIKRO PELANCONGAN

4.1	Pengenalan	164
4.2	Analisis Profil Usahawan	164
4.3	Analisis Profil Perusahaan	174
4.4	Analisis Penglibatan dalam Perniagaan Mikro Berasaskan Pelancongan	189
4.5	Kesimpulan	191

BAB 5

ANALISIS DAN PERBINCANGAN IMPAK PERNIAGAAN MIKRO PELANCONGAN TERHADAP PEMBERDAYAAN EKONOMI DAN SOSIAL

5.1	Pendahuluan	193
5.2	Analisis Pembolehubah Kualiti Hidup	193

5.2.1	Analisis Faktor Kualiti Hidup	194
5.2.2	Analisis Kebolehpercayaan Pembolehubah Kualiti Hidup	201
5.2.3	Analisis Korelasi antara Faktor-Faktor Penentu Kualiti Hidup	202
5.3	Analisis Pembolehubah Pendapatan	204
5.3.1	Analisis Faktor Pembolehubah Pendapatan	205
5.3.2	Analisis Kebolehpercayaan Pembolehubah Pendapatan	209
5.3.3	Analisis Regresi Faktor Pendapatan terhadap Kualiti Hidup	210
5.4	Analisis Pembolehubah Pekerjaan	216
5.4.1	Analisis Faktor Pembolehubah Pekerjaan	216
5.4.2	Analisis Kebolehpercayaan Pembolehubah Pekerjaan	220
5.4.3	Analisis Regresi Faktor Pekerjaan terhadap Kualiti Hidup	221
5.5	Analisis Regresi Pekerjaan dan Pendapatan terhadap Kualiti Hidup	226
5.6	Analisis Profil Usahawan dan Profil Perusahaan terhadap Kualiti Hidup	230
5.6.1	Analisis Profil Usahawan terhadap Kualiti Hidup	231
5.6.2	Analisis Profil Perusahaan terhadap Kualiti Hidup	232
5.7	Kesimpulan	233

BAB 6

ANALISIS DAN PERBINCANGAN PRESTASI, MASALAH DAN PERSEPSI USAHAWAN MIKRO PELANCONGAN

6.1	Pendahuluan	236
6.2	Pengukuran Prestasi Perniagaan	236
6.3	Analisis Akses Kepada Kewangan	239
6.3.1	Analisis Diskriptif	240
6.3.2	Analisis Tabulasi Silang Akses kepada Kewangan	243
6.3.3	Analisis Regresi Akses Kepada Kewangan	246
6.3.4	Faktor Usahawan Tidak Memohon Pinjaman	248
6.3.5	Faktor Permohonan Pinjaman Ditolak	249
6.4	Analisis Masalah yang Dihadapi oleh Usahawan Mikro Pelancongan	250
6.4.1	Analisis Faktor Masalah Usahawan Mikro Pelancongan	251
6.4.2	Analisis Kebolehpercayaan Masalah Usahawan Mikro Pelancongan	257

6.4.3	Analisis Deskriptif Masalah Usahawan Mikro Pelancongan	258
6.4.4	Analisis Regresi Masalah Usahawan Mikro Pelancongan Terhadap Prestasi Perniagaan.....	260
6.5	Analisis Persepsi Usahawan.....	264
6.5.1	Persepsi Usahawan Terhadap Perniagaan dalam Industri Pelancongan.....	264
6.5.2	Persepsi Usahawan Terhadap Peranan Pihak Berkuasa	266
6.6	Kesimpulan	268

BAB 7

KESIMPULAN DAN CADANGAN

7.1	Pengenalan	271
7.2	Ringkasan Hasil Penemuan Kajian	271
7.2.1	Karakteristik Usahawan Mikro Pelancongan Luar Bandar	272
7.2.2	Impak Perniagaan Mikro Pelancongan Terhadap Pemberdayaan Ekonomi dan Sosial.....	276
7.2.3	Prestasi Perniagaan dan Masalah yang Dihadapi oleh Usahawan Mikro Pelancongan	279
7.2.4	Persepsi Usahawan Mikro Pelancongan terhadap Perniagaan dalam Sektor Pelancongan dan Peranan Pihak Berkuasa	283
7.3	Sumbangan Kajian	285
7.4	Limitasi Kajian.....	290
7.5	Cadangan Kajian pada Masa Hadapan.....	291
7.6	Penutup.....	293

BIBLIOGRAFI	295
-------------------	-----

LAMPIRAN	338
----------------	-----

SENARAI PENERBITAN.....	350
-------------------------	-----

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Fasa-fasa Utama Pembangunan Pulau Langkawi	10
Jadual 1.2 Program PKS yang telah Dilaksanakan oleh LADA	21
Jadual 1.3 Definisi PKS	33
Jadual 2.1 Meringkaskan Karakteristik Perusahaan Mikro Pelancongan	95
Jadual 3.1 Ringkasan Pengukuran Konstruk dari Sumber-Sumber Terdahulu	117
Jadual 3.2 Skala Likert Lima Mata	129
Jadual 3.3 Pembangunan Borang Soal Selidik	132
Jadual 3.4 Maklumbalas dan Ulasan	147
Jadual 3.5 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	150
Jadual 3.6 Kadar Maklum Balas	155
Jadual 3.7 Pekali Saiz <i>Cronbach's Alpha</i> (Peraturan Umum)	157
Jadual 3.8 Ringkasan Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	158
Jadual 4.1 Latar Belakang Usahawan Pelancongan Mikro	170
Jadual 4.2 Latar Belakang Jenis Perniagaan, Tahun Beroperasi dan Sumber Modal Memulakan Perniagaan	174
Jadual 4.3 Latar Belakang Cara Perniagaan Dimulakan, Status Pemilikan dan Jumlah Premis	178
Jadual 4.4 Latar Belakang Pendapatan, Anggaran Perbelanjaan dan Anggaran Simpanan	181

Jadual 4.5	Latar Belakang Bilangan Pekerja, Bilangan Ahli Keluarga/Adik Beradik, dan Bilangan Pekerja Tambahan	184
Jadual 4.6	Penglibatan dalam Bidang Pelancongan	188
Jadual 5.1	Ujian KMO dan Ujian Bartlett's Pembolehubah Kualiti Hidup	194
Jadual 5.2	Nilai Eigen dan Peratusan Varians Pembolehubah Kualiti Hidup	196
Jadual 5.3	Pembolehubah Kualiti Hidup	197
Jadual 5.4	Analisis Faktor bagi Pembolehubah Kualiti Hidup	199
Jadual 5.5	Analisis Kebolehpercayaan Pembolehubah Kualiti Hidup	200
Jadual 5.6	Analisis Korelasi Faktor-Faktor Penentu dengan Kualiti Hidup	202
Jadual 5.7	Ujian KMO dan Ujian Bartlett's Pembolehubah Pendapatan	205
Jadual 5.8	Nilai Eigen dan Peratusan Varians Pembolehubah Pendapatan	205
Jadual 5.9	Pembolehubah Pendapatan	206
Jadual 5.10	Analisis Faktor bagi Pembolehubah Pendapatan	207
Jadual 5.11	Analisis Kebolehpercayaan Pembolehubah Pendapatan	208
Jadual 5.12	Analisis Regresi Pembolehubah Pendapatan terhadap Kualiti Hidup	211

Jadual 5.13	Ringkasan Analisis Regresi Pembolehubah Pendapatan	213
Jadual 5.14	Analisis ANOVA Pembolehubah Pendapatan	213
Jadual 5.15	Ujian KMO dan Bartlett's Test Pembolehubah Pekerjaan	216
Jadual 5.16	Nilai Eigen dan Peratusan Varians Pembolehubah Pekerjaan	217
Jadual 5.17	Pembolehubah Pekerjaan	217
Jadual 5.18	Analisis Faktor Pembolehubah Pekerjaan	218
Jadual 5.19	Analisis Kebolehpercayaan Pembolehubah Pekerjaan	219
Jadual 5.20	Analisis Regresi Pembolehubah Pekerjaan terhadap Kualiti Hidup	221
Jadual 5.21	Ringkasan Analisis Regresi Pembolehubah Pekerjaan	223
Jadual 5.22	Analisis ANOVA Pembolehubah Pekerjaan	224
Jadual 5.23	Analisis Regresi Pembolehubah Pendapatan dan Pekerjaan terhadap Kualiti Hidup	226
Jadual 5.24	Ringkasan Analisis Regresi Pembolehubah Pendapatan dan Pekerjaan	227
Jadual 5.25	Analisis ANOVA Pembolehubah Pendapatan dan Pekerjaan	228
Jadual 5.26	Analisis Jadual Tabulasi Silang bagi Profil Usahawan dengan Kualiti Hidup	230
Jadual 5.27	Analisis Jadual Tabulasi Silang bagi Profil Perusahaan terhadap Kualiti Hidup	232
Jadual 6.1	Prestasi Perniagaan	236

Jadual 6.2	Akses kepada Kewangan	241
Jadual 6.3	Tabulasi Silang Modal Permulaan dan Prestasi Perniagaan	243
Jadual 6.4	Tabulasi Silang Sumber Modal dan Prestasi Perniagaan	244
Jadual 6.5	Tabulasi Silang Jumlah Pinjaman dan Prestasi Perniagaan	245
Jadual 6.6	Pengaruh Faktor Penentu terhadap Prestasi Perniagaan	246
Jadual 6.7	Faktor Usahawan Tidak Memohon Pinjaman	248
Jadual 6.8	Faktor Pinjaman Ditolak	249
Jadual 6.9	Pembolehubah Masalah yang Dihadapi oleh Usahawan Mikro	251
Jadual 6.10	Ujian KMO dan Bartlett's Masalah Usahawan Mikro Pelancongan	252
Jadual 6.11	Nilai Eigen dan Peratusan Varians Masalah Usahawan	253
Jadual 6.12	Analisis Faktor Masalah Usahawan Mikro Pelancongan	254
Jadual 6.13	Analisis Kebolehpercayaan Masalah Usahawan Mikro Pelancongan	256
Jadual 6.14	Analisis Deskriptif Masalah Usahawan Mikro Pelancongan	257
Jadual 6.15	Analisis Regresi Masalah Usahawan Mikro Pelancongan	260
Jadual 6.16	Ringkasan Analisis Regresi Masalah Usahawan Mikro Pelancongan	261

Jadual 6.17	Analisis Regresi Masalah Usahawan Mikro	262
	Pelancongan	
Jadual 6.18	Persepsi Usahawan terhadap Industri Pelancongan	264
Jadual 6.19	Analisis Regresi Masalah Usahawan Mikro	266
	Pelancongan	

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Statistik Ketibaan Pelancong dan Pendapatan Kepada Malaysia (1990-2014)	6
Rajah 1.2	Peta Kedudukan Pulau Langkawi	9
Rajah 1.3	Statistik Kedatangan Pelancong pada tahun 1986 hingga 2014	14
Rajah 2.1	Dimensi Pemberdayaan	45
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual Pemberdayaan dalam Pembangunan Komuniti Pelancongan	67
Rajah 2.3	Produk Utama Pelancongan Luar Bandar	70
Rajah 2.4	Jenis-jenis Perniagaan Pelancongan	88
Rajah 3.1	Rangka Kerja Penyelidikan	115
Rajah 3.2	Kerangka Konseptual Kajian	120
Rajah 3.3	Kawasan Kajian	141
Rajah 3.4	Pengagihan Borang Soal Selidik	154
Rajah 4.1	Carta Pie Jantina Responden	164
Rajah 4.2	Carta Bar Umur Responden	166
Rajah 4.3	Carta Pie Bangsa Responden	167
Rajah 4.4	Carta Bar Tahap Pendidikan Responden	168
Rajah 6.1	Carta Bar Prestasi Perniagaan	237

SENARAI SINGKATAN

AIM	-	Amanah Ikhtiar Malaysia
CHOGM	-	<i>Commonwealth Heads of Government Meeting</i>
DFID	-	<i>Department for International Development</i>
ILO	-	<i>International Labour Organization</i>
JPBD	-	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
JPSM	-	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
KKLW	-	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
LADA	-	Lembaga Pembangunan Langkawi
MEASAT	-	<i>Measat Satellite Control Centre</i>
MOTAC	-	<i>Ministry of Tourism and Culture</i>
MTTP	-	<i>Malaysia Tourism Transformation Plan</i>
NGO	-	<i>Non-Governmental Organization</i>
NKEA	-	<i>National Key Economic Areas</i>
PATA	-	<i>Pacific Area Travel Association</i>
PGK	-	Pendapatan Garis Kemiskinan
PKPM	-	Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia
PKS	-	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PPL	-	Pusat Penyelidikan Langkawi
RM	-	Ringgit Malaysia
RMK-10	-	Rancangan Malaysia Ke Sepuluh
RMK-11	-	Rancangan Malaysia Ke Sebelas
RMK-4	-	Rancangan Malaysia Ke Empat
RMK-5	-	Rancangan Malaysia Ke Lima
RMK-6	-	Rancangan Malaysia Ke Enam
RMK-7	-	Rancangan Malaysia Ke Tujuh
RMK-8	-	Rancangan Malaysia Ke Lapan
RMK-9	-	Rancangan Malaysia Ke Sembilan

SARS	-	<i>Severe Acute Respiratory Syndrome</i>
SPED	-	Skim Pembiayaan Ekonomi Desa
TDC	-	<i>Tourism Development Corporation of Malaysia</i>
TEKUN	-	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
TREE	-	<i>Training for Rural Economic Empowerment</i>
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNDP	-	<i>United Nations Development Programme</i>
UNESCO	-	<i>United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation</i>
UNWTO	-	<i>United Nations World Tourism Organization</i>
UPEN	-	Unit Perancang Ekonomi
USD	-	<i>United States Dollar</i>
WTM	-	<i>World Trade Mart</i>
WTTC	-	<i>World Travel and Tourism Council</i>

**PEMBERDAYAAN SOSIOEKONOMI USAHAWAN MIKRO PELANCONGAN
DI PULAU LANGKAWI**

ABSTRAK

Keusahawanan mikro berasaskan pelancongan mempunyai potensi yang besar dalam membangunkan kawasan luar bandar dan memberikan impak positif terhadap pembangunan sosioekonomi komuniti luar bandar. Dalam hubungan itu, kajian ini dilakukan untuk melihat impak pemberdayaan sosioekonomi melalui penyertaan komuniti tempatan dalam perniagaan mikro berasaskan pelancongan khususnya di Pulau Langkawi. Di samping itu, kajian ini juga melihat kepada kelangsungan perniagaan mikro pelancongan dalam skop jangka masa panjang dengan membuat penilaian terhadap prestasi perniagaan, mengenalpasti masalah dan menilai persepsi usahawan mikro pelancongan terhadap perniagaan dalam sektor pelancongan serta peranan pihak berkuasa dalam memberdayakan ekonomi usahawan mikro pelancongan di Pulau Langkawi. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mendapatkan maklumbalas daripada 263 orang usahawan mikro pelancongan di Pulau Langkawi. Untuk mencapai objektif dalam kajian ini, kaedah analisis faktor, analisis kebolehpercayaan, kolerasi, khi kuasa dua, ANOVA dan regresi berbilang telah digunapakai. Hasil kajian menunjukkan usahawan mikro pelancongan telah menyumbang kepada penjanaan peluang pekerjaan, meningkatkan sumber pendapatan dan seterusnya memperbaiki kualiti hidup mereka. Hasil kajian juga membuktikan bahawa penglibatan mereka dalam perniagaan mikro pelancongan telah menunjukkan peningkatan prestasi perniagaan yang ketara berdasarkan kepada penilaian kritikal dalam tempoh masa 5 tahun. Selain itu, hasil kajian mendapati tiga masalah utama yang dihadapi oleh para usahawan mikro pelancongan di Langkawi

ialah kekangan kewangan, masalah pengurusan perniagaan dan masalah pemasaran perniagaan. Berdasarkan kepada persepsi usahawan pula, majoriti daripada usahawan bersetuju bahawa perniagaan dalam sektor pelancongan telah menyuntik impak yang positif daripada pelbagai aspek kehidupan mereka. Mereka juga memberikan maklumbalas yang positif terhadap langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dalam merangsang pertumbuhan perniagaan mikro pelancongan dan seterusnya memberdayakan ekonomi mereka. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini jelas membuktikan bahawa penyertaan dalam perniagaan mikro pelancongan telah berjaya memberdayakan ekonomi usahawan dan komuniti tempatan yang terlibat. Oleh itu, tidak dapat disangkal bahawa pemberdayaan ekonomi melalui perniagaan mikro pelancongan merupakan “alat” yang paling berkesan untuk memberdayakan komuniti dan ekonomi luar bandar.

SOCIO-ECONOMIC EMPOWERMENT OF ENTREPRENEURS MICRO TOURISM IN THE LANGKAWI ISLAND

ABSTRACT

Tourism-based micro entrepreneurship has a great potential in developing the rural areas and provides a positive impact on the socio-economic development of rural communities. As such, this study aimed at assessing the social-economic impact of local community empowerment through their involvement in tourism-based micro entrepreneurship especially in Langkawi Island. In addition, this study also assessed the sustainability of these micro tourism entrepreneurships for long term effect by assessing their business performance, identifying the problems faced and evaluating the perception of micro tourism entrepreneurs towards the role of local authority in the development of tourism entrepreneurship in Langkawi. This study applied quantitative approach by obtaining responses from 263 micro entrepreneurs in Langkawi. The data was analysis using factor analysis, reliability analysis, correlation, chi-squared, ANOVA and multiple regression to achieve the objectives of the study. The findings indicated that micro tourism entrepreneurship have contributed towards generating employment opportunities, increased in income and subsequently improved the quality of life of the micro tourism entrepreneurs. The findings also indicated that the business performance of these micro tourism entrepreneurships have significantly improved based on a 5-year critical appraisal. This study elucidated three major problems faced by the micro tourism entrepreneurs in Langkawi, That is financial constraints, business management issues and marketing problems. In addition, these entrepreneurs perceived that their participation in micro tourism entrepreneurships have injected positive impacts on various aspects of their

lives. They also welcomed the role of local authority in promoting the development of micro tourism entrepreneurship in empowering the community. In short, the findings have clearly shown that the local entrepreneurs' involvement in micro tourism entrepreneurship has succeeded in empowering not only the entrepreneurs and but also the local community as a whole. Undeniably, this shows that micro tourism entrepreneurship is an effective tool to empower the rural community and the rural economy.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Perniagaan mikro pelancongan merupakan strategi dalam memberdaya ekonomi komuniti tempatan dikebanyakkan negara terutamanya di kawasan luar bandar. Pembangunan perniagaan mikro berasaskan pelancongan telah memberikan impak yang besar dalam pelbagai aspek kepada komuniti tempatan khususnya dari aspek sosioekonomi. Pelancongan telah menjadi industri yang utama di kebanyakkan negara di dunia dan telah berkembang dengan pesat pada masa kini (Mastura, Munira, & Norziani 2015; Norlida Hamin, Redzuan, & Tamat, 2011).

Industri pelancongan juga memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara dengan menggalakkan aktiviti pertukaran wang asing, mewujudkan peluang pelaburan, menjana peluang perniagaan baru, menyumbang kepada penjanaaan peluang pekerjaan, imbalan pembayaran, pembangunan infrastruktur dan kesan pengganda yang akan memberikan impak terhadap perkembangan ekonomi sesebuah negara (Andraz, 2015; McCombes, 2015; Zhang & Gao, 2016). Selain menyumbang kepada pembangunan ekonomi, pembangunan industri pelancongan juga menyumbang kepada pembangunan politik, sosial, budaya, komuniti, alam sekitar dan taraf hidup (Choi, 2013; Zaei & Zaei, 2013; Aref, 2011; Nunkoo & Gursoy, 2012).

Menurut laporan *United Nations World Tourism Organization* (UNWTO) pada tahun 2015, industri pelancongan telah menerima sejumlah 1.186 bilion ketibaan pelancong antarabangsa di seluruh dunia dengan pertumbuhan sebanyak 5% berbanding 1.133 bilion pada tahun 2014. Manakala dari segi pendapatan pula, pada tahun 2015 industri pelancongan telah menyumbang sebanyak USD 1,260 bilion kepada pendapatan dunia dengan peningkatan sebanyak 4.4% berbanding tahun 2014 (UNWTO, 2016). UNWTO menjangkakan bahawa jumlah ketibaan pelancong akan terus meningkat pada setiap tahun dan secara langsung industri pelancongan akan terus menjadi penyumbang kepada pendapatan dunia. Statistik tersebut jelas menunjukkan bahawa industri pelancongan antarabangsa telah berkembang dengan pesat dan telah menjadi penyumbang eksport utama sektor perkhidmatan di peringkat global.

Kepesatan pembangunan industri pelancongan telah menjadi pendorong kepada kewujudan serta pembangunan perniagaan mikro berasaskan pelancongan bagi memenuhi keperluan pelancong khususnya di kawasan luar bandar (Nunkoo & Gursoy, 2012; Irvine & Anderson, 2004; Thomas, Shaw, & Page, 2011; Shastria & Raob, 2014; Mastura, Toh & Siti Zaleha, 2011). Perniagaan mikro dalam industri pelancongan memainkan peranan yang penting dalam pembentukan urus niaga baru, mencipta peluang-peluang pekerjaan, menjana pendapatan, meningkatkan taraf hidup, membasmi kemiskinan, membangunkan sosial budaya dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi khususnya kepada komuniti tempatan di kawasan luar bandar (Norlida Hanim, Redzuan Othman, & Siti Hajar, 2012; Nunkoo & Gursoy, 2012; Dimitrovski, Todorović, & Valjarević, 2012).

Menurut Rehman, Moazzam, dan Ansari (2013), perniagaan mikro merupakan strategi dalam memberdayakan ekonomi komuniti tempatan dan menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan luar bandar (Shafeghat *et al.*, 2008). Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa pemberdayaan ekonomi melalui penglibatan komuniti tempatan dalam aktiviti perniagaan mikro telah berjaya membangunkan ekonomi komuniti di kawasan luar bandar (Nunkoo & Gursoy, 2012; Dimitrovski *et al.*, 2012; Rehman *et al.*, 2015).

Kajian ini berusaha mengetengahkan impak perniagaan mikro pelancongan dalam memberdayakan ekonomi komuniti tempatan luar bandar di Pulau Langkawi. Kajian ini juga akan meneliti secara terperinci sumbangan perniagaan mikro pelancongan dari aspek penjanaan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan dan kualiti hidup. Selain itu, kajian ini juga akan membincangkan karakteristik usahawan mikro pelancongan berdasarkan kepada profil usahawan dan profil perusahaan, faktor penglibatan usahawan dalam industri pelancongan, akses kepada kewangan, masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan mikro pelancongan dan terakhir menilai persepsi usahawan mikro pelancongan. Secara khususnya bab ini akan menjelaskan hala tuju atau arah penyelidikan yang akan dijalankan. Ia bermula dengan pengenalan kepada pelancongan, latar belakang pelancongan di Malaysia, latar belakang kawasan kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, rekabentuk kajian, dan organisasi kajian.


1.2 Industri Pelancongan di Malaysia

Pembangunan industri pelancongan di Malaysia kini telah mencapai tahap yang dapat dibanggakan. Statistik yang di keluarkan oleh UNWTO (2015) berdasarkan kepada jumlah kedatangan pelancong antarabangsa pada tahun 2014 menunjukkan Malaysia menduduki tangga ke tiga di peringkat Asia-Pasifik selepas negara China dan Hong Kong (UNWTO *Tourism Highlights*, 2015). Malaysia telah menerima jumlah kedatangan pelancong sebanyak 27.4 juta pada tahun 2014 dengan pertumbuhan sebanyak 6.7% berbanding tahun 2013 iaitu 25.7 juta. Manakala dari aspek perolehan pendapatan pula, Malaysia telah memperoleh sebanyak RM 72 bilion dengan pertumbuhan sebanyak 7.9% berbanding tahun 2013 iaitu RM 65.44 bilion (UNWTO, 2015).

Industri pelancongan telah memberikan impak yang besar kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Pada tahun 2014 industri pelancongan telah menyumbang sebanyak RM 61 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu 5.7% daripada jumlah keseluruhan KDNK. Selain itu, industri pelancongan juga telah menyumbang sebanyak 1.77 juta pekerjaan iaitu 13.1% daripada jumlah keseluruhan pekerjaan di Malaysia (*Economic Impact Malaysia Report-WTTC*, 2015). *World Travel and Tourism Council* (WTTC) menjangkakan industri pelancongan akan terus memberikan impak yang besar terhadap pembangunan ekonomi di Malaysia khususnya dalam menyumbang kepada peningkatan KDNK dan juga menghasilkan lebih banyak peluang pekerjaan sama ada pekerjaan secara langsung mahu pun tidak langsung dalam industri berkaitan pelancongan.

Statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-bangsa Bersatu (UNWTO) dari aspek makroekonomi menyatakan bahawa ketibaan pelancong ke Malaysia dari tahun 1990 hingga tahun 2014 telah meningkat dari 7.45 juta orang kepada 27.44 juta orang pelancong yang tiba di Malaysia (UNWTO, 2015). Dari aspek kewangan pula telah meningkat dari RM 4.5 bilion pada tahun 1990 kepada RM 72 bilion pada tahun 2014 (Pelancongan Malaysia, 2015).

Rajah 1.1 menunjukkan statistik kedatangan pelancong dan pendapatan dari industri pelancongan dari tahun 1990 hingga 2014 di Malaysia. Secara keseluruhan, pola kedatangan pelancong dan pendapatan menunjukkan trend peningkatan secara berterusan dari tahun ke tahun namun terdapat penurunan pada tahun-tahun tertentu khususnya pada sekitar tahun 1997 dan 2003. Krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1997 dan penularan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) serta peperangan antara Amerika dan Iraq pada tahun 2003 telah memberi kesan yang besar terhadap industri pelancongan dunia (Wai & Kevin, 2005; Yahaya & Norsiah, 2006; Norizawati, Tarmiji, & Azizul, 2014). Malaysia tidak terkecuali dari menerima kesan daripada masalah-masalah tersebut dan sekaligus telah menjejaskan kemasukan pelancong ke Malaysia pada tahun tersebut.



Rajah 1.1: Statistik Kedatangan Pelancong dan Pendapatan daripada Sektor Pelancongan di Malaysia (1990-2014)
 (Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia, 2014 dan UNWTO, 2015)

Melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10, 2010-2015), Malaysia mensasarkan kedudukan 10 negara teratas dalam industri pelancongan, seterusnya menjangkakan industri pelancongan menyumbang kepada pendapatan pelancongan sebanyak RM 115 bilion dan menyediakan peluang pekerjaan sebanyak 2 juta. Dalam RMK-10, dua belas enjin utama pertumbuhan ekonomi yang dikenali sebagai Bidang Utama Ekonomi Negara (*National Key Economic Areas – NKEA*) telah dikenalpasti. Industri pelancongan merupakan salah satu daripada enjin utama pertumbuhan ekonomi negara yang telah dikenalpasti di dalam NKEA (Malaysia, 2010). Selain itu, Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia (*Malaysia Tourism Transformation Plan - MTTP*) juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan perbelanjaan setiap pelancong yang berkunjung ke Malaysia.

Pembangunan industri pelancongan di Malaysia juga memberi impak yang besar kepada pembangunan perniagaan mikro dan kecil khususnya perniagaan berasaskan pelancongan. Menurut Saleh dan Ndubisi (2006), perniagaan mikro dan kecil memainkan peranan penting yang bertindak sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara serta menjadi salah satu penyumbang utama kepada KDNK dan menyumbang kepada peluang pekerjaan. Di Malaysia perniagaan mikro dan kecil meliputi 97.3% iaitu 645, 136 daripada jumlah penubuhan perniagaan dalam pelbagai sektor dengan 3.7 juta tenaga kerja iaitu 52.7% daripada jumlah keseluruhan guna tenaga (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Perniagaan kecil dan mikro berasaskan pelancongan ini juga sering dikaitkan dengan kawasan luar bandar. Menurut Irvine dan Anderson, (2004), pembangunan kawasan pelancongan luar bandar akan menyebabkan pertumbuhan perniagaan berasaskan pelancongan impak daripada permintaan pelancong.

Menurut Nunkoo dan Gursoy (2012), pembangunan industri pelancongan luar bandar amat bergantung kepada perniagaan mikro dan kecil dalam pelbagai sektor untuk merangsang ekonomi tempatan, sekali gus memberi manfaat kepada masyarakat tempatan dari segi perkembangan ekonomi, budaya sosial, perkhidmatan, dan meningkatkan taraf hidup. Melihat kepada kepentingan dan sumbangan perniagaan kecil dan mikro di kawasan luar bandar, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11, 2016-2020), kerajaan lebih fokus dalam membangunkan kawasan luar bandar dengan melaksanakan pelbagai program seperti Kampung Abad ke-21, menggalakkan penggunaan teknologi moden, memperkasa komuniti usahawan luar bandar, menggalakkan koperasi dipacu komuniti, meningkatkan penyediaan infrastruktur dan


perkhidmatan asas luar bandar yang berkualiti dan mewujudkan Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional untuk merangsang ekonomi luar bandar (Malaysia, 2016).

Model Ekonomi Baru Malaysia juga telah menggariskan matlamat dasar membina keusahawanan dengan menyediakan sokongan kewangan dan teknikal kepada PKS (Perusahaan kecil dan sederhana) sebagai antara inisiatif untuk mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing (Majlis Penasihat Ekonomi Negara, 2010). Dengan memanfaatkan sumber asli di kawasan luar bandar, pihak kerajaan juga giat membangunkan ekopelancongan dan menggalakkan komuniti luar bandar untuk menyediakan perkhidmatan sokongan bagi menyokong industri pelancongan (Malaysia, 2016). Secara umumnya, perancangan yang teliti telah dirangka bermula dari RMK-4 hingga kini jelas menunjukkan bahawa Malaysia begitu komited dan sudah lama memberi penekanan dalam pembangunan industri pelancongan dan kini lebih focus dalam membangunkan komuniti luar bandar dengan menggalakkan aktiviti keusahawanan berasaskan pelancongan khususnya di kawasan kepulauan seperti Pulau Langkawi.

1.3 Pembangunan Industri Pelancongan Di Pulau Langkawi

Malaysia merupakan salah satu negara yang dikenali di peringkat antarabangsa sebagai destinasi pelancongan yang menarik untuk dikunjungi. Malaysia juga sangat bertuah kerana memiliki banyak pulau-pulau yang menarik, salah satunya ialah Pulau Langkawi. Pulau Langkawi adalah daerah yang merupakan sebuah pulau yang terletak di negeri Kedah dan merupakan destinasi pelancongan terkenal di peringkat antarabangsa. Ia terletak di latitude 6°21' U dan longitud 99°48' T di bahagian utara negeri Kedah di

pantai barat Semenanjung Malaysia berhampiran Laut Andaman (Rajah 1.2 menunjukkan kedudukan Pulau Langkawi) (Faizal, 2005).



Rajah 1.2: Peta Kedudukan Pulau Langkawi
(Sumber: *Google Map*, 2015)

Pulau Langkawi kaya dengan kepelbagaian khazanah geologi dan biologi (warisan geo dan warisan bio) dan warisan sosio-budaya (warisan budaya) (Ibrahim, 2010; Ibrahim, Mazlin, & Sarah, 2010; Abdul Latiff & Norhayati, 2010). Pulau Langkawi mempunyai keunikan yang tersendiri seperti pantai pasir putih, pantai pasir hitam, batu-batuan berusia jutaan tahun yang berbentuk unik, bukit-bukau dan gunung-ganang yang dihiasi dengan hutan tropika dara tua yang menjadi daya tarikan pelancong (Langley, 2002; Abdul Latiff & Norhayati, 2010). Selain keindahan alam semulajadi, Pulau Langkawi juga popular dengan aktiviti membeli-belah (Norzalita & Ahmad Azmi, 2004).

Populasi penduduk di Pulau Langkawi dianggarkan berjumlah 40,000 orang pada tahun 1990 iaitu dengan komposisi kaum 89% Melayu, 8% Cina dan 3% lain-lain kaum. Namun pembangunan drastik Pulau Langkawi dari tahun ke tahun telah menyebabkan populasi penduduk meningkat kepada 103,705 orang pada tahun 2014 dengan komposisi kaum 85.5% Melayu, 41% Cina, 1.2% India, 0.3% kaum lain-lain dan 8.9% bukan warganegara (Majlis Perbandaran Langkawi, 2015). Dari aspek kegiatan ekonomi pula, ekonomi penduduk Langkawi pada asalnya merupakan ekonomi sara diri iaitu petani dan nelayan. Namun, transformasi ekonomi yang telah berlaku menyebabkan komuniti tempatan telah mula beralih kepada sektor-sektor yang lebih moden seperti pembuatan, perniagaan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan (Ishak & Mustaffa, 2005).

Jadual 1.1a: Fasa-fasa Utama Pembangunan Pulau Langkawi

Tahun	Fasa-fasa Utama Pembangunan Pulau Langkawi
1975	Rancangan Pembangunan Pelancongan Malaysia telah diwujudkan.
1977	Pelan Induk Pelancongan (<i>Tourism Master Plan</i>) telah disediakan untuk membangunkan Pulau Langkawi pada 1976.
1983	Sejumlah wang telah diperuntukkan untuk membangunkan pelancongan di bawah Rancangan Malaysia ke-4 (1981-1985). Langkawi dibangunkan untuk menjadi pusat pelancongan utama di Negeri Kedah. Dianggarkan tujuh buah hotel dibina dengan kapasiti 2,500 bilik.
1984	Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan dan Koordinasi di peringkat negeri dan persekutuan.
1986	Kerajaan Persekutuan mengumumkan Pulau Langkawi akan dibangunkan sebagai destinasi pelancongan.
1987	Kerajaan mengistiharkan Langkawi sebagai zon bebas cukai pada 1 Januari 1987.
1988	Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dibuka.
1989	Deklarasi Langkawi 1989 dengan agenda pembangunan lestari.
1990	Penubuhan <i>Langkawi Development Authority</i> (LADA) bagi tujuan membangunkan industri pelancongan di pulau ini
	Rancangan Struktur Langkawi (1990-2005) telah disiapkan

(Sumber: Langlely, 2002; Sharif, 2002; MPL, 2005 dan LADA 2014)

Jadual 1.1b: Fasa-fasa Utama Pembangunan Pulau Langkawi

Tahun	Fasa-fasa Utama Pembangunan Pulau Langkawi
1991	RM 35 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-6 (1991 - 1995) untuk meningkatkan sosio-ekonomi penduduk setempat dan membangunkan infrastruktur pelancongan di Langkawi.
1993	Sejumlah 10 buah hotel telah dibina dan 43 jenis fasiliti pelancongan yang lain seperti resort, chalet dan marina telah dibina.
1996	Pelancaran MEASAT 1, satelit pertama Malaysia dan Langkawi menjadi lokasi pusat kawalan satelit (<i>Measat Satellite Control Centre</i>)
2001	Pengistiharaan Langkawi sebagai Kota Pelancongan
2002	Penubuhan Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL)
2003	Majlis Tindakan Pelancongan Langkawi telah diwujudkan di bawah pentadbiran LADA.
2006	Pengistiharan Langkawi sebagai 52 Taman Geo atau Geopark oleh UNESCO <i>Global Network Geopark</i> .
2011	Pelancaran Rangka Tindakan Pelancongan Langkawi (<i>Langkawi Blueprint</i>)
2012	Penjenamaan Langkawi sebagai “ <i>Naturally Langkawi</i> ”

(Sumber: Langlely, 2002; Sharif, 2002; MPL, 2005 dan LADA 2014)

Jadual 1.1 menunjukkan ringkasan fasa-fasa utama pembangunan Pulau Langkawi bermula dari tahun 1975 hingga kini. Pada tahun 1975, Rancangan Pembangunan Pelancongan Malaysia telah diwujudkan dan telah menggariskan Pulau Langkawi antara salah satu destinasi pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan di Wilayah Utara (Azizan Marzuki, 2011). Kemudian Pelan Induk Pelancongan (*Tourism Master Plan*) telah dilancarkan pada tahun 1977 oleh Kementerian Pelancongan Malaysia untuk membangunkan Pulau Langkawi. Namun, perancangan tersebut tidak dilaksanakan (Bird, 1989; Sharif, 2002).

Pengistiharan Pulau Langkawi sebagai zon bebas cukai pada 1 Januari 1987 telah menyebabkan Pulau Langkawi mengalami transformasi yang drastik dengan peningkatan kemasukan pelancong (Azizan, 2011; Ishak & Mustaffa, 2005). Lapangan Terbang Pulau Langkawi telah dibina dan mula beroperasi pada tahun 1988 telah melonjakkan lagi

jumlah pelancong yang datang ke Pulau Langkawi. Pada tahun 1990, Lembaga Pembangunan Langkawi (*Langkawi Development Authority - LADA*) telah ditubuhkan bagi tujuan membangunkan industri pelancongan di Pulau Langkawi. LADA bertanggungjawab untuk mengembangkan dan melancarkan program pembangunan pelancongan di Pulau Langkawi dengan menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan kuasa dan sistem telekomunikasi (Azizan, 2011).

Pembangunan pelancongan di Pulau Langkawi tidak terhenti di situ, kerajaan terus serius membangunkan pulau tersebut dengan melaksanakan pelbagai rancangan pembangunan seperti Draf Rancangan Struktur Langkawi (1990-2005) oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Kedah (Abdul Latiff & Norhayati, 2010). Pada tahun 1991 pula di bawah Rancangan Malaysia ke-6 (1991-1995), kerajaan telah memperuntukkan RM 35 juta untuk meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk tempatan dan membangunkan infrastruktur pelancongan di Pulau Langkawi (Azizan, 2010).


Hasil kerjasama yang erat antara LADA, UKM dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), satu perancangan pemuliharaan alam semulajadi dalam hutan simpan kekal bernama Taman Georimba (Geopark) telah dirancang. Hasil daripada kerjasama tersebut Pulau Langkawi telah diistihar sebagai Taman Geo atau Geopark pada tahun 2006 (Ibrahim, Mazlin, & Sarah 2010). Pulau Langkawi merupakan Geopark yang pertama di Malaysia dan Asia Tenggara yang telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pelajaran, Sains, dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation-UNESCO*). Penganugerahan status Langkawi Geopark oleh

UNESCO merupakan kemuncak kepada pembangunan di Pulau Langkawi (Halimaton Saadiah *et al.*, 2010; Abdul Latiff & Norhayati, 2010).

Pada tahun 2011 kerajaan telah melancarkan Rangka Tindakan Pelancongan Langkawi (*Langkawi Blueprint*) yang merupakan perancangan terperinci untuk membangunkan Pulau Langkawi. Antara intipati utama Rangka Tindakan Pelancongan Langkawi adalah untuk menjadikan Langkawi antara 10 pulau dan destinasi ekopelancongan terbaik dunia menjelang 2015. Rangka Tindakan Pelancongan Langkawi mengandungi 14 inisiatif yang telah dirangka meliputi tiga tema iaitu “Produk”, “Infrastruktur” dan “Pembolehdaya”. Dari aspek ekonomi, Rangka Tindakan Pelancongan Langkawi menjangkakan menjelang 2015 sebanyak 4,200 peluang pekerjaan baru dapat diwujudkan, pendapatan pelancongan ditingkatkan kepada RM3.8 bilion dan jumlah pelaburan sebanyak RM 5 billion. Dari aspek jumlah kedatangan pelancong pula dijangkakan seramai 3 juta mengunjungi Pulau Langkawi (Rangka Tindakan Pelancongan Langkawi, 2011).

Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam membangunkan Pulau Langkawi sejak 1975 hingga kini dengan melaksanakan pelbagai dasar dan perancangan pembangunan. Hasil daripada usaha keras pihak kerajaan jelas dapat dilihat daripada peningkatan jumlah kemasukkan pelancong ke Pulau Langkawi yang menunjukkan peningkatan yang sangat positif. Rajah 1.3 menunjukkan statistik kedatangan pelancong ke Pulau Langkawi dari tahun 1986 hingga 2014. Secara keseluruhan kedatangan pelancong menunjukkan peningkatan yang positif setiap tahun namun terdapat penurunan yang ketara pada tahun-tahun tertentu seperti pada tahun 1997 hingga 1998 kesan daripada

kegawatan ekonomi Asia Timur, penularan penyakit virus Nipah, SARS dan *Coxsackie* serta masalah jerebu di Asia Tenggara (Azizan, 2011; Jamaluddin, 2009). Manakala pada tahun 2004 kedatangan pelancong ke Pulau Langkawi terjejas adalah disebabkan oleh kesan daripada bencana Tsunami yang melanda negara-negara di Lautan Hindi pada penghujung tahun 2004 (Johan Afendi & Mohamad Zaki, 2012; Norizawati *et al.*, 2014; Ismail & Shahrudin, 2014).



Rajah 1.3: Statistik Kedatangan Pelancong pada tahun 1986 hingga 2014
(Sumber: Lembaga Pembangunan Langkawi 2015)

Ketibaan pelancong di peringkat antarabangsa dan domestik ke Pulau Langkawi memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan peluang perniagaan kepada komuniti tempatan (Norlida Hanim *et al.*, 2011). Bagi menampung dan memenuhi kehendak serta keperluan pelancong, pelbagai perniagaan secara kecil-kecilan telah mula wujud dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan yang diperlukan oleh pelancong

(Irvine & Anderson, 2004). Sebagaimana yang dinyatakan oleh Sarman (2007), keperluan pelancong umumnya meliputi keperluan seperti penginapan, pengangkutan, makanan, rekreasi dan membeli-belah. Pembangunan industri pelancongan di Pulau Langkawi telah membuka peluang kepada komuniti tempatan untuk menceburi bidang perniagaan berasaskan pelancongan yang dapat pemberdayaan ekonomi mereka (Manashi & Marjina, 2015; Idris & Agbim, 2015; Linna, 2011).

1.4 Pemilihan Pulau Langkawi sebagai Kawasan Kajian

Pemilihan kawasan kajian penting untuk mendapatkan hasil kajian yang dapat menepati objektif kajian. Asas pemilihan Pulau Langkawi sebagai kawasan kajian adalah berdasarkan kepada kriteria tertentu yang dijadikan sebagai parameter dalam kajian ini. Kajian ini telah memilih Pulau Langkawi sebagai kawasan kajian adalah berdasarkan kepada beberapa faktor. Pertama, adalah berdasarkan kepada jumlah pelancong yang mengunjungi Pulau Langkawi didapati meningkat setiap tahun. Peningkatan jumlah pelancong yang mengunjungi Pulau Langkawi mempunyai hubungan yang signifikan terhadap peningkatan jumlah usahawan pelancongan di kawasan kajian.

Seperti yang dinyatakan oleh Sharma dan Upneja (2005), peningkatan jumlah kedatangan pelancong menunjukkan perkembangan industri pelancongan di sesuatu destinasi dan secara langsung akan menggalakkan aktiviti perniagaan (Irvine & Anderson, 2004; Sharma & Upneja, 2005). Rentetan daripada perkembangan industri pelancongan telah mewujudkan perniagaan-perniagaan mikro dan kecil berasaskan pelancongan (Hanqin & Morrison, 2007). Perniagaan-perniagaan yang wujud adalah untuk memenuhi

permintaan dan keperluan pelancong serta menjadi pelengkap kepada industri pelancongan di sesuatu kawasan (Ishak *et al.*, 2011).

Faktor kedua ialah berdasarkan kepada peningkatan pembangunan infrastruktur yang menyediakan pelbagai jenis kemudahan seperti lapangan terbang, kawasan pelabuhan, jaringan jalan raya yang baik, kemudahan komunikasi, kepelbagaian produk-produk pelancongan, dan pemodenan tempat-tempat peranginan menjadi pendorong kepada kewujudan peluang-peluang perniagaan. Pembangunan destinasi pelancongan di kawasan pantai sekitar Pulau Langkawi juga telah menggalakkan penduduk tempatan untuk menjalankan aktiviti perniagaan dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada pelancong. Selaras dengan perkembangan pembangunan destinasi pelancongan dan kemudahan asas di Pulau Langkawi, pihak berwajib juga telah menyediakan ruang perniagaan dikebanyakkan destinasi pelancongan. Maklumat yang diperolehi daripada Majlis Perbandaran Langkawi menunjukkan terdapat sebanyak 585 unit gerai dan tapak penjaja telah ditawarkan kepada peniaga di seluruh destinasi pelancongan di Pulau Langkawi (Majlis Perbandaran Langkawi, 2015).

Faktor ketiga adalah disebabkan oleh kerancakkan program-program pembangunan usahawan yang giat dilaksanakan oleh LADA. Pihak LADA telah membelanjakan RM 74,295.40 menjalankan pelbagai program pembangunan usahawan dalam usaha untuk memberdayakan ekonomi Bumiputera di Pulau Langkawi dengan memberi tumpuan terhadap pemberdayaan modal insan dan meningkatkan program keusahawanan dari kalangan perniaga Bumiputera. Menjelang 2015, LADA menjangkakan sebanyak 4,200 peluang pekerjaan baru dapat di wujudkan dan pendapatan

daripada sektor pelancongan dapat ditingkatkan kepada RM3.8 bilion. Hal ini selaras dengan matlamat kajian ini iaitu untuk melihat kepada kesan pembangunan pelancongan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan yang menyumbang kepada kewujudan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan, meningkatkan kualiti hidup dan seterusnya memberdayakan ekonomi komuniti luar bandar di Pulau Langkawi.

Oleh itu, tidak dapat disangkal lagi bahawa perkembangan industri pelancongan di Pulau Langkawi telah mendorong kepada pembangunan perniagaan berasaskan pelancongan sama ada dalam skala perniagaan yang besar, sederhana, kecil dan mikro. Berdasarkan kepada pemerhatian penyelidik kebanyakan destinasi-destinasi pelancongan utama di Pulau Langkawi terletak di kawasan luar bandar dan perniagaan yang wujud di kawasan luar bandar diusahakan secara kecil-kecilan atau berskala mikro. Selaras dengan matlamat kajian ini yang menumpukan kepada usahawan mikro pelancongan yang terletak di destinasi pelancongan luar bandar, Pulau Langkawi amat bersesuaian untuk menjalankan kajian ini.

1.4.1 Pembangunan Usahawan dan Perniagaan di Pulau Langkawi

Pembangunan industri pelancongan di Pulau Langkawi telah berkembang seiring dengan permintaan yang tinggi terhadap kemudahan dan perkhidmatan meliputi penginapan, pengangkutan, makanan dan minuman (Ishak *et al.*, 2011). Transformasi yang berlaku di Pulau Langkawi telah mengubah corak pekerjaan penduduk di pulau itu yang dahulunya bekerja sebagai nelayan dan petani kini telah mula beralih kepada sektor perniagaan dan perkhidmatan. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pembangunan perniagaan di kawasan pelancongan antaranya struktur dan persekitaran

pelancongan (Martinelli 1994; Thornton, 1999), penambahan kedatangan pelancong (Butler, 1980), memenuhi keperluan pelancong (Inskeep, 1991), sebagai pelengkap serta sokongan kepada industri berskala besar (Ishak *et al.*, 2011), aspek budaya dan sokongan institusi termasuk kemudahan (Martinelli, 1994) dan sebagainya. Busenitz, Gomez dan Spencer (2000), memasukkan faktor pengetahuan terhadap institusi dan perundangan mengenai bagaimana memulakan perniagaan dan mendapatkan pinjaman sebagai penggalak kepada pertumbuhan peluang perniagaan.

Perkembangan destinasi pelancongan dipengaruhi oleh bilangan pelancong yang datang. Peningkatan kemasukkan pelancong akan meningkatkan permintaan terhadap keperluan penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, infrastruktur, dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang berkaitan (Rao, 2014). Bagi memenuhi permintaan tersebut, ramai pelabur dan pengusaha akan menawarkan pelbagai keperluan dan perkhidmatan kepada pelancong. Selaras dengan pendapat Inskeep (1996), sektor pelancongan yang berjaya perlu menepati ciri-ciri asas keperluan pelancong terutamanya penawaran tempat tinggal atau penginapan.

Pembangunan industri pelancongan bukan sahaja boleh diukur dari aspek jumlah kemasukkan pelancong tetapi juga dapat diukur dari penambahan jumlah perniagaan yang wujud bagi menyokong industri pelancongan. Burton (1995), berpendapat perkembangan industri pelancongan akan mewujudkan kemudahan penginapan berskala kecil serta penyediaan makanan dan minuman oleh penduduk tempatan. Peluang pekerjaan juga mula wujud dan sebahagian kecil daripada penduduk tempatan terlibat dalam perniagaan secara kecil-kecilan. Kemudian menurut beliau kedatangan jumlah pelancong yang

semakin ramai akan merangsang pertumbuhan perniagaan yang merangkumi pelbagai jenis perniagaan sama ada berskala besar mahupun kecil bagi menampung permintaan semasa (Burton, 1995; Irvine & Anderson, 2004).

Hal ini bersesuaian dengan keperluan asas pelancong yang digariskan oleh Pearce (1988) yang menyatakan pelancongan meliputi beberapa kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh seseorang pelancong serta jenis-jenis tarikan yang ada di destinasi pelancongan. Selain itu, kewujudan perniagaan-perniagaan sokongan dalam industri pelancongan juga dipengaruhi oleh kewujudan perniagaan-perniagaan berskala besar. Seperti yang berlaku di Malaysia, kajian mengenai perusahaan pelancongan di Tanjung Jara dan Rantau Abang mendapati bahawa pembinaan hotel-hotel baru telah memberi kesan kepada pertumbuhan perniagaan berskala kecil seperti seperti kraftangan, kedai-kedai makan, pengangkutan dan lain-lain perkhidmatan bagi menyokong permintaan pelancong (Ishak *et al.*, 2007). Begitu juga yang berlaku di Pulau Langkawi, perniagaan-perniagaan yang berskala besar telah banyak diusahakan di beberapa destinasi pelancongan, rentetan daripada itu telah wujud perniagaan-perniagaan kecil dan mikro di kawasan sekitar.

Pembangunan industri pelancongan yang semakin positif di Pulau Langkawi telah mewujudkan pelbagai jenis perniagaan yang berasaskan pelancongan. Pembangunan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti lapangan terbang yang bertaraf antarabangsa, kawasan pelabuhan yang lebih moden, jalan-jalan raya yang baik, dan pemodenan tempat-tempat peranginan merupakan unsur positif yang menjadi pendorong kepada kewujudan peluang-peluang perniagaan (Md. Pishal, 1990). Tambah beliau,

pengistiharan Pulau Langkawi sebagai zon bebas cukai juga merupakan faktor yang mempengaruhi penglibatan komuniti tempatan dalam perniagaan berasaskan pelancongan khususnya di destinasi utama tumpuan pelancong. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Mastura *et al.* (2010) mendapati pengistiharan status Langkawi Geopark juga telah meningkatkan peluang perniagaan di kawasan sekitar geopark dengan menawarkan perkhidmatan kereta sewa, kedai makanan dan minuman, pengusaha bot dan sebagainya.

Kajian yang dilakukan oleh Johan Afendi *et al.* (2012) ke atas impak pembangunan pelancongan di kawasan pantai mendapati kedatangan pelancong di kawasan pantai sekitar Pulau Langkawi telah menggalakkan penduduk tempatan untuk menjalankan aktiviti perniagaan serta menawarkan kemudahan dan perkhidmatan seperti hotel, hotel bajet, inap desa dan motel, pusat informasi pelancong, pejabat pos mini, medan selera, pusat sukan air, penjualan kraftangan serta aktiviti '*island hopping*' (Johan Afendi *et al.*, 2012; Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2006).

Maklumat yang diperolehi daripada Majlis Perbandaran Langkawi menunjukkan terdapat sebanyak 585 unit gerai dan tapak penjaja di seluruh Pulau Langkawi telah ditawarkan kepada peniaga. Ini menunjukkan pihak berwajib begitu komited dalam menggalakkan komuniti tempatan di Pulau Langkawi untuk berniaga. Selain itu LADA juga memainkan peranan penting dalam membangunkan usahawan di Pulau Langkawi. Berdasarkan kepada Laporan Tahunan (2013), LADA telah membelanjakan RM 74,295.40 untuk menjalankan pelbagai program pembangunan usahawan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2.

Dalam usaha untuk memberdayakan ekonomi Bumiputera di Pulau Langkawi, dua aspek utama yang diberi tumpuan iaitu pemberdayaan modal insan dan meningkatkan program keusahawanan serta perniaga Bumiputera. Program-program keusahawanan yang telah dianjurkan merangkumi pengurusan perniagaan dan kewangan, latihan kemahiran, bengkel, seminar serta pendedahan kepada akses pembiayaan. Sehingga Disember 2013, bilangan usahawan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di Pulau Langkawi adalah sebanyak 4,196 berbanding 2,597 pada tahun 2012 dengan peningkatan sebanyak 61% (Laporan Tahunan LADA, 2013).

Jadual 1.2: Program PKS yang Telah Dilaksanakan oleh LADA

No.	Program PKS Yang Telah Dilaksanakan
1.	Program Taklimat Perancangan Kewangan dan Pembangunan Keusahawanan KFC/AYAMAS
2.	Pelancaran Pasar Malam Berwajah Baru 2013
3.	Bengkel Pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
4.	GO Global@Matrade Bersama Usahawan Langkawi
5.	Karnival Jualan Perdagangan Antarabangsa
6.	Bengkel Teknik Mencanting Batik di Pulau Tuba
7.	Bengkel Transformasi Peniaga Pasar Malam 2013
8.	Hari Terbuka Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Sempena Minggu PKS
9.	Tuba Night 2013
10.	Bengkel Seni Anyaman Mengkuang Pulau Tuba
11.	Seminar Kontraktor Cemerlang

(Sumber: Lembaga Pembangunan Langkawi - LADA, 2014)

1.5 Penyataan Masalah

Industri pelancongan telah menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan luar bandar di kebanyakan negara-negara di dunia (Johan Afendi, 2001). Pembangunan industri pelancongan di kawasan luar bandar memberikan impak positif terhadap pembangunan sosioekonomi dan alam sekitar di destinasi pelancongan (Piramoon &

Rezaei-Moghaddam, 2014; Zaei & Zaei, 2013). Antara kesan positif daripada pembangunan pelancongan ialah peningkatan pendapatan, kepelbagaian peluang pekerjaan, pengurangan kemiskinan, peluang perniagaan, pembangunan infrastruktur awam, dan membangunkan modal insan (Fam & Kesavarz, 2015; Piramoon & Rezaei-Moghaddam, 2014; Zaei & Zaei, 2013; Sharpley & Roberts, 2004; Johan Afendi, 2001).

Namun begitu, kawasan luar bandar juga sering dikaitkan dengan pelbagai masalah sosioekonomi seperti kemiskinan, pengangguran, pendapatan tidak sekata, sesaksamaan gender, kekurangan kemudahan infrastruktur, penghijrahan golongan muda ke bandar dan kos sara hidup yang tinggi (Sebele, 2010; Giampiccoly & Kalis, 2012; Harish, 2012). Masalah-masalah tersebut juga turut berlaku di Pulau Langkawi (Ishak *et al.*, 2007). Walaupun industri pelancongan telah berkembang pesat di pulau tersebut, namun terdapat segelintir golongan komuniti tempatan yang terlepas daripada menerima kesan positif daripada pembangunan industri pelancongan (Ishak & Mustaffa, 2005). Ia berpunca daripada kegagalan komuniti tempatan untuk merebut peluang dan mengadaptasi persekitaran pembangunan yang berlaku menyebabkan mereka terus dihimpit dengan kemelut kemiskinan serta masalah pengangguran yang tinggi (Ranis, Stewart, & Ramirez, 2000; Ishak *et al.*, 2007).

Pelbagai inisiatif juga telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar bermula dari 1957 hingga sekarang. Terkini, di dalam RMK-11 pelbagai program telah dirancang bertujuan untuk memberdayakan ekonomi komuniti luar bandar supaya lebih berdaya saing. Namun begitu, untuk menjayakan setiap program yang telah dirancang memerlukan penyertaan daripada

komuniti tempatan (Abdul Rasid *et al.*, 2012; Hamzah & Khalifah, 2009; Moscardo, 2008). Seperti yang dinyatakan oleh Azlizan *et al.* (2012), penyertaan komuniti luar bandar dalam program-program pembangunan masih ditahap yang lemah. Oleh itu, konsep “pemberdayaan” adalah sangat penting bagi meningkatkan penyertaan komuniti luar bandar dalam program-program pembangunan yang telah dirancang (Abdul Kadir, 1997; Sutawa, 2012).

Kajian mengenai pemberdayaan telah banyak dilaksanakan untuk mengatasi masalah-masalah yang berlaku di kawasan luar bandar khususnya pemberdayaan dari aspek ekonomi. Kajian mengenai pemberdayaan ekonomi banyak dilaksanakan di negara-negara Dunia Ketiga yang keadaan ekonominya agak mundur dan ketinggalan daripada arus pembangunan (Sheikh & Sadaqat, 2015; Scheyvens, 2000). Sebagai contoh kajian terhadap pemberdayaan ekonomi telah banyak dilakukan di negara Asia seperti India, Bangladesh, Nepal, Pakistan, Indonesia dan Thailand (Kalpana & Richa, 2013; Sheikh & Sadaqat, 2015; Sutawa, 2012; Hashemi, Schuler, & Riley, 1996; Jain & Jain, 2012). Begitu juga di negara-negara Afrika, kajian mengenai pemberdayaan ekonomi telah banyak dilaksanakan untuk membangunkan komuniti yang terpinggir (Gambo, Joshua, & Moses, 2013; Bambale, 2011). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian mengenai pemberdayaan ekonomi hanya menumpukan kepada pemberdayaan terhadap wanita di kawasan luar bandar (Rehman *et al.*, 2015; Arul & Packirisamy, 2015; Bano & Chaudhry, 2015).

Terdapat pelbagai pendekatan telah digunakan dalam kajian sebelum ini untuk memberdayakan ekonomi komuniti tempatan antaranya melalui program keusahawanan berasaskan hasil pertanian (Amer, 2013; Abubakar, Ali-Momoh & Momohdu, 2012; Singh, 2012), perusahaan mikro (Woodworth, 2000; Vasanthakumari, 2012; Sharma *et al.*, 2012), *self-help group* (SHG) (Reji, 2013; Padala, 2011; Manhas & Tiwari, 2012), bantuan kredit-mikro/kewangan (Woodworth, 2000; Parveen & Chaudhury, 2009), simpanan (Rambo, 2012; Sheikh & Sadaqat, 2015; Gambo *et al.*, 2013) kemahiran, dasar kerajaan dan polisi (Moosedale, 2005; Kalpana & Richa, 2012; Puttaraja & Heggade, 2012). Namun kajian-kajian tersebut adalah secara umum dan tidak spesifik tertumpu kepada industri pelancongan.

Kebanyakan kajian mengenai perniagaan berasaskan pelancongan juga hanya menumpukan kepada jenis perniagaan berkaitan hospitaliti atau penginapan (Drammeh, 2015; Mshenga & Owuor, 2009; Avcikurt, 2003; Ahmad, 2005; Morrison & Teixeira, 2004; Main, 2002; Morrison, 2002; Glancey & Pettigrew, 1997), pengangkutan (Seetanah, 2006; Sorupia, 2005; Morteza *et al.*, 2013), namun kajian tersebut adalah secara umum (Pazim & Mohd. Rosli, 2011; Norudin *et al.*, 2011; Seppälä-Esser, Airey, & Szivas, 2009; Mbaiwa, 2003; Kirsten & Rogerson, 2002; Getz & Carlson, 2000). Selain itu, kajian-kajian tersebut juga lebih menjurus kepada perniagaan yang bersaiz sederhana dan tidak memberi perhatian kepada perniagaan bersaiz mikro yang merangkumi keseluruhan jenis perniagaan berkaitan perlancongan.